



Ahli pasukan Masscomm

Foto Oleh Fizwan Hafiy Mohamad Noor

Pasukan Masscom Johan Pertandingan Bola Sepak

Oleh Calvin Choong

calvinchoong.95@gmail.com

KOTA KINABALU, 18 MAC - Sempena Futsal Karnival Fakulti Kemanusiaan, Seni dan Warisan (FKSW), Jawatan Kelab Komunikasi telah menganjurkan Kejohanan Futsal Terbuka Universiti Malaysia Sabah (UMS) yang melibatkan penyertaan 6

pasukan daripada pelajar-pelajar dari Fakulti Kemanusiaan, Seni dan Warisan.

“Pencapaian Kelab Komunikasi ini sangat membanggakan”

Kejohanan tersebut telah berlangsung di Kompleks Sukan, UMS. Seramai 50 orang penonton muncul pada pertandingan itu.

“Pencapaian kelab komunikasi ini sangat membanggakan, dan berjaya menganjurkan pertandingan ini dengan keluruhan untuk menyatukan mahasiswa dalam FKSW melalui sukan” kata Erick Ricky, Ahli Jawatan Kuasa Kelab Komunikasi.

Dalam pertandingan tersebut, Pasukan Masscom dari kursus

komunikasi muncul johan kategori dan membawa pulang hadiah wang tunai sebanyak RM200 dan hamper bagi setiap pemain serta sijil penghargaan.

Naib johan dimenangi oleh Pasukan Sejarah yang membawa pulang hadiah wang tunai RM100 diikuti oleh Pasukan Ansos di tempat ketiga.

“Selain bersukan dan mengamalkan gaya hidup sihat, sukan ini dapat mengeratkan lagi hubungan baik dengan para peserta terutamanya pasukan yang datang dari kursus yang lain. Peluang ini juga memberi kesempatan kepada peserta untuk mengasah bakat dan mempertingkatkan kemahiran dalam permainan futsal,” dikatakan Erick.

Pihaknya berhasrat untuk menjadikan kejohanan ini sebagai salah satu acara tahunan FKSW dengan menyasarkan untuk mengeratkan hubungan antara satu sama lain melalui sukan dan dapat bermain dengan lebih ramai penyertaan pasukan pada masa akan datang.



Ahli Pasukan Masscom bergambar selepas kemenangan

Foto Oleh Fizwan Hafiy Mohamad Noor